

Kerajaan cari pembiayaan skim sewa untuk beli

KUALA LUMPUR 2 April - Kerajaan sedang berbincang dengan beberapa pihak yang berminat termasuk pelabur asing bagi menjadi pembiayaan skim sewa untuk beli (*rent-to-own*) dalam Dasar Perumahan Negara baru-baru ini.

Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Zuraida Kamaruddin berkata, untuk melaksanakan skim tersebut memerlukan tempoh pajakan antara tiga hingga lima tahun yang mana pihaknya tidak dapat mencari pembiayaan untuk menampung jurang berkenaan.

Menurutnya, beliau ada berbincang dengan beberapa pelabur asing bagi mengetahui sama ada mereka berminat atau tidak untuk terlibat dengan skim berkenaan sebagai pembiayaan.

"Ada beberapa agensi yang berminat untuk membantu kita dalam perkara ini. Setakat ini perbincangan telah dilakukan dengan pelabur dari China, Korea Selatan dan Asia Barat.

"Pada bulan ini, Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad akan ke Beijing untuk menghadiri Forum *One Belt One Road* dan saya juga akan turut serta dalam kunjungan itu. Saya akan kenal pasti tiga atau



CHUNG CHEE LEONG (empat dari kiri) dan Pengerusi/Ketua Pegawai Eksekutif Perbadanan Kewangan Perumahan Korea (KHFC), Jung Hwan Lee menunjukkan dokumen MoU antara Cagamas dan KHFC sambil disaksikan oleh Zuraida Kamaruddin (tengah) di Kuala Lumpur, semalam.

empat agensi dari China untuk menandatangani memorandum persefahaman (MoU) dengan mereka," katanya dalam sidang akhbar Persidangan Rumah Mampu Milik di sini hari ini.

Yang turut hadir, Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif Cagamas Berhad (Cagamas), Datuk Chung Chee Leong.

Tambah Zuraida, di bawah program perkongsian ekuiti, Cagamas akan menyediakan 20 peratus deposit daripada sebelah

pihak pembeli sementara bakiannya akan di sediakan oleh bank.

Jelasnya, skim cadangan itu antara lain akan menjadi alternatif pembiayaan yang mana Cagamas akan membantu memberi jaminan sehingga 100 peratus daripada harga rumah.

"Kami harap skim yang dicadangkan ini dapat membantu golongan isi rumah berpendapatan rendah (B40) yang kurang mendapat bantuan kewangan sebelum ini," katanya.

Dalam pada itu, Chee Leong berkata, Cagamas sedang berusaha memperkenalkan program perkongsian ekuiti untuk perumahan seperti yang dilaksanakan di United Kingdom dan Australia.

Katanya, pihaknya kini sedang memikirkan mekanisme terbaik untuk melaksanakannya supaya bersesuaian dengan senario perumahan di Malaysia dan berharap program induk itu akan siap menjelang akhir tahun ini.